



■ PERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad disambut oleh Presiden Suharto setibanya di Jakarta hari ini untuk memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Indonesia. — Gambar AP.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Mahathir diberi sambutan negara di Jakarta

JAKARTA, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad diberi sambutan negara setiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari.

Sebaik jet eksekutif yang membawa Perdana Menteri dan rombongan berhenti, Ketua Protokol Indonesia, Joop Ave dan Duta Malaysia ke sini, Tan Sri Mahmood Yunus menaiki kapal terbang untuk mengalu-alukan beliau.

Presiden Suharto dan Naib Presiden Tun Adam Malik dan isteri mereka berada di lapangan terbang untuk menyambut Datuk Seri Dr. Mahathir dan rombongannya.

Dua orang beliau berpakaian tradisional, Hendro Kuncono dan Nanlek Sri Utami mengalungkan bunga pada Perdana Menteri dan Datin Sri Dr. Siti Hasmah.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian memeriksa perbarisan kehormatan terdiri lebih dari 200 orang pegawai dan anggota tentera Indonesia. Tembakan meriam 19 das juga dilepaskan.

Presiden Suharto kemudian memperkenalkan orang-orang kenamaan termasuk Menteri-menteri Kanan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir.

Kakitangan Kedutaan Malaysia dan rakyat Malaysia di Indonesia juga berada di lapangan terbang untuk menyambut Perdana Menteri.

Selepas berkereta ke rumah tetamu negara, Datuk Seri Dr. Mahathir mengunjungi Presiden Suharto di Istana Merdeka dan Tun Adam Malik di Istana Merdeka Selatan.

Petang ini, Datuk Seri Dr. Mahathir akan menemui Presiden Suharto untuk membincangkan perkara-perkara dua hala dan isu-isu antarabangsa.

Adalah difahamkan dalam rundingan itu Datuk Seri Dr. Mahathir akan menjelaskan kepada Presiden Suharto lawatan Perdana Menteri China, Zhao Ziyang ke Malaysia. Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie akan menyertai Datuk Seri Dr. Mahathir dalam pertemuan itu.